

# Promosi i-ENVEX Di Brunei

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) terus menggerakkan usaha bagi memperluaskan jalinan kerjasama di rantau ASEAN. Terbaru UniMAP menghantar delegasi mereka ke Institut Teknologi Brunei (ITB) bagi meneroka peluang-peluang kerjasama yang boleh dijalankan bersama.

Ketua delegasinya, Prof Madya Che Mohd Ruzaidi Ghazali berkata lawatan ke ITB mampu membuka satu lagi ruang kerjasama baru antara dua negara se ASEAN yang berjiran. Negara Brunei yang serumpun, sebangsa dan mempunyai banyak persamaan dengan Malaysia mampu menjadikan jalinan baik UniMAP dan ITB direalisasikan dengan jayanya seperti yang dihasratkan oleh Naib Canselornya.

Antara ruang kerjasama yang dirangka bagi dimuatkan dalam MoU yang akan ditandatangani termasuklah program pertukaran pelajar dan staf serta ruang melanjutkan pelajaran lepasan Higher National Degree ITB ke UniMAP. Selain itu kerjasama dalam bidang-bidang lain seperti agro, kejuruteraan bangunan dan lain-lain bidang penyelidikan juga dibincangkan.



ITB juga diberi penerangan mengenai program International Engineering Invention and Innovation Exhibition 2011 (i-ENVEX) anjuran UniMAP dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang dijadualkan berlangsung di Dewan 2020, Kangar Perlis pada 8 - 10 April ini.

Sehingga kini 300 produk penyelidikan dari universiti dan sekolah dari dalam dan luar negara sudah mengesahkan penyertaan mereka. ITB juga telah menyatakan hasrat mereka untuk turut serta dan membantu UniMAP menarik penyertaan penyelidik-penyeleidik muda dari seluruh Brunei.